

23 OCT 2002

MAHATHIR-KORPORAT

BUKAN MUDAH KUMPUL MAKLUMAT SALAH LAKU KORPORAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Mengumpul maklumat dalam kes salah laku korporat bukannya mudah, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kalau kita bawa pergi mahkamah awal-awal kerana kita marah ... kerana kita benci orang, kemungkinan kita kalah," kata beliau ketika diminta mengulas mengenai komen oleh presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia, Datuk Megat Najmuddin Megat Khas.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media selepas menutup seminar antarabangsa mengenai Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini.

Megat Najmuddin semalam berkata tiada gunanya bercakap mengenai tadbir urus korporat dan ketelusan jika si "penyangak" dapat melepaskan diri dari undang-undang dengan berbilion ringgit.

Beliau menimbulkan isu bahawa di Malaysia terdapat banyak salah laku korporat tetapi tidak ramai yang dibawa ke mahkamah.

Dr Mahathir berkata, "Kalau dia (Megat Najmuddin) ada maklumat, kita mahukan maklumat tersebut. Dia ingat senang kita hendak dapat maklumat yang boleh mensabitkan seseorang itu di mahkamah," kata beliau.

Menyentuh mengenai unjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang pertumbuhan suku ketiga Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara boleh meningkat sebanyak lima peratus atau lebih, Dr Mahathir berkata "ia boleh terjadi". -- BERNAMA

MSL AA